

KURSUS LESSON LEARNT SESI 1/2018

TINDAKAN PENGESANAN & PUNITIF BERKAITAN LKAN BAGI PROJEK- PROJEK JKR

TARIKH : 06 APRIL 2018 (JUMAAT)
MASA : 10.30 – 11.30 PAGI
TEMPAT : CREATE JKR
PENCERAMAH : SHARITA NOR AZURA BT MD SHARI
UNIT INTEGRITI, KKR





PENGENALAN

- Penubuhan Unit Integriti (UI) di KKR
- Fungsi- fungsi UI
- *Flowchart* Peranan UI Terhadap LKAN
- LKAN di bawah JKR / KKR tahun 2014, 2015 & 2016
- Contoh Laporan Siasatan Terhadap LKAN (Punitif)





1. PENUBUHAN UNIT INTEGRITI

- **PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 6 TAHUN 2013**
- Berkuatkuasa pada 1 Ogos 2013.
- Suatu Inisiatif Untuk Terus Memantapkan Integriti Bagi Menentukan Penjawat Awam Menjunjung Dan Menegakkan Prinsip Integriti Serta Akauntabiliti Bagi Membendung Salah Laku Jenayah Serta Pelanggaran Tatakelakuan Dan Etika Organisasi.
- UI KKR ditubuhkan pada bulan Feb 2014.

JPA(BPO)(S)215/65/5 Jld.13 (8)

No. Siri :



KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 6 TAHUN 2013

PENUBUHAN UNIT INTEGRITI DI SEMUA AGENSI AWAM

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai keputusan Kerajaan menubuhkan Unit Integriti sebagai *focal point* kepada pengurusan isu-isu berkaitan integriti di semua agensi awam.

LATAR BELAKANG

2. Sistem tadbir urus sektor awam yang terbaik dan budaya kerja berkualiti merupakan landasan penting dalam meningkatkan keyakinan rakyat terhadap keupayaan Kerajaan melaksanakan dasar yang dimandatkan. Dalam hubungan ini, Kerajaan akan terus mengambil langkah untuk memantapkan integriti bagi menentukan penjawat awam menjunjung dan menegakkan prinsip integriti serta akauntabiliti ke arah mencapai sistem



1. PENUBUHAN UNIT INTEGRITI (sambungan)

- PP Bil. 6/2013 telah dibatalkan setelah Kabinet meluluskan penubuhan Jabatan Integriti dan Tadbir Urus Negara (JITN) di bawah JPM pada penghujung tahun 2017.
- Mulai 1 Januari 2018, semua Ketua Unit Integriti di setiap Kementerian akan diketuai oleh Pegawai Tadbir & Diplomatik.
- Pekeliling dan fungsi baru UI di setiap Kementerian masih belum dimuktamadkan.



2. FUNGSI-FUNGSI UNIT INTEGRITI MENGIKUT PP BIL. 6/2013





2. FUNGSI-FUNGSI UNIT INTEGRITI (sambungan)

Tadbir Urus

- Memastikan tadbir urus yang terbaik dilaksanakan.
- Bekerjasama dengan pasukan Jawatankuasa Integriti & Tadbir Urus (JITU).
- Mencadangkan penambahbaikan, peningkatan dan pembaharuan dalam organisasi.

Penguatan Integriti

- Memastikan pembudayaan, penginstitutionan dan pelaksanaan integriti dalam organisasi.
- Memantapkan amalan nilai-nilai murni melalui tindakan kesedaran dan pendidikan.

Pematuhan

- Memastikan pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa.

Pengurusan Aduan

- Menerima dan mengambil tindakan ke atas semua aduan/maklumat mengenai salahlaku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan.

Pengesanan & Pengesahan


- Mengesan dan mengesahkan aduan salahlaku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi.


Tatatertib

- Melaksanakan fungsi urus setia Lembaga Tatatertib.




3. FLOWCHART PERANAN UI TERHADAP LKAN






**JAWATANKUASA
SIASATAN**



Prosiding Tatatertib



Cadangan
Penambahbaikan





Pegawai hilang semua
faedah persaraan

48 bulan

36 bulan

30 bulan

18 bulan

24 bulan

Tidak dipertimbangkan kenaikan
pangkat selama 12 bulan





4. LKAN DI BAWAH KKR/JKR TAHUN 2014

BIL.	NAMA PROJEK	BIL. TEGURAN		SYOR JKS	KEPUTUSAN LEMBAGA TATATERTIB
		PUNITIVE	CORRECTIVE		
SIRI 1					
1.	Pembinaan Kolej Matrikulasi, Kelantan	-	11	Tiada syor	-
2.	Pembinaan <i>Specialist Complex & Ambulatory Care Centre (SCACC)</i> di HKL	-	17	Tiada syor	-
SIRI 2					
1.	Pembinaan Kompleks Mahkamah Syariah	-	12	Syor terhadap perunding	-
2.	Pembinaan Institut Kanser Negara	-	11	Tiada syor	-
SIRI 3					
1.	Pengurusan Penyenggaraan Pejabat Kerajaan di Putrajaya	-	16	Tiada syor	-
2.	Pembinaan <i>Ambulatory Care Centre (ACC)</i> & Hemodialisis di Hospital Kota Bharu, Kelantan	-	14	Tiada syor	-
3.	Pengurusan Kerja Awalan Melalui Kontrak Kerja Oleh JKR	1	9	10 pegawai & 10 perunding	7 pegawai tidak bersalah, 2 pegawai dikenakan amaran & 1 pegawai denda & turun 1 pergerakan gaji.
4.	Menaiktaraf Hospital Sultanah Nora Ismail, Batu Pahat, Johor	6	5	9 pegawai	1 pegawai denda,



4. LKAN DI BAWAH KKR/JKR TAHUN 2015

BIL.	NAMA PROJEK	BIL. TEGURAN		SYOR JKS	KEPUTUSAN LEMBAGA TATATERTIB
		PUNITIVE	CORRECTIVE		
SIRI 1					
1.	Pembinaan Hospital Tampin, Johor	2	7	Tiada syor	-
2.	Pembinaan Penjara Reman (Tegar) Johor Bahru, Johor	1	3	Tiada syor	-
3.	Pembinaan Semula Kuarters Kakitangan, Jabatan Kebajikan Masyarakat	-	6	Tiada syor	-
4.	Pembinaan Kampus UNIKL Malaysian Institute Of Aviation Technology (MIAT) Subang, Selangor	-	9	Tiada syor	-
5.	Membina Jalan Baru Dari Lebuhraya Seremban - PD-FR5 Di Pasir Panjang Dan Menaik Taraf FR5 Dari Pasir Panjang Ke Linggi, Negeri Sembilan (Seksyen 1)	1	5	Tiada syor	-
6.	Pengurusan Projek Pembinaan Dan Pembaikan Rumah Mangsa-mangsa Banjir	-	6	Tiada syor	-
7.	Pembinaan Ibu Pejabat Lembaga Pelabuhan Johor	-	11	Tiada syor	-



4. LKAN DI BAWAH KKR/JKR TAHUN 2015

BIL.	NAMA PROJEK	BIL. TEGURAN		SYOR JKS	KEPUTUSAN LEMBAGA TATATERTIB
		PUNITIVE	CORRECTIVE		
SIRI 2					
1.	Pembinaan Pusat Latihan Polis Di Mukim Pelangai, Bentong, Pahang	2	11	Tiada syor	-
2.	Projek Pembinaan Pusat Servis Teknikal (STC) Di Pangkalan Udara TUDM Gong Kedak, Terengganu	-	5	Tiada syor	-
3.	Pengauditan Terhadap Projek Lewat Jadual / Projek Sakit, JPM	-	16	Tiada syor	-



4. LKAN DI BAWAH KKR/JKR TAHUN 2016

BIL.	NAMA PROJEK	BIL. TEGURAN		SYOR JKS	KEPUTUSAN LEMBAGA TATATERTIB
		PUNITIVE	CORRECTIVE		
SIRI 1					
1.	Pembinaan Hospital Bera, Pahang	5	-	7 pegawai dan 1 perunding.	Belum ada keputusan
2.	Pembinaan Kompleks Obstetrik Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang, Selangor	1	2	3 pegawai	Belum ada keputusan
3.	Pembinaan Jalan Pintas Rawang	2	2	Tiada syor	-
4.	Projek Membina Jejambat Menghubungi Jalan Nangka Perda Timur Merentasi Jalan Padang Lalang/Landasan Keretapi/Jalan Permatang Rawa, Bukit Mertajam, Pulau Pinang	3	-	Tiada syor	-




4. LKAN DI BAWAH KKR/JKR TAHUN 2016

BIL.	NAMA PROJEK	BIL. TEGURAN		SYOR JKS	KEPUTUSAN LEMBAGA TATATERTIB
		PUNITIVE	CORRECTIVE		
SIRI 2					
1.	Pembinaan Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) Tanah Merah, Kelantan	-	4	Tiada syor	-
2.	Projek Menaiktaraf Jalan Ayer Keroh Ke Bandar Melaka (Fasa 1: Pembinaan Persimpangan Peringgit Dan Persimpangan MITC)	2	3	2 pegawai (seorang telah bersara)	Belum ada keputusan
3.	Projek Kerja-karya Menaiktaraf Jalan Persekutuan FR5 Dari Sabak Bernam Ke Hutan Melintang	3	1	2 pegawai	Belum ada keputusan
4.	Projek Naiktaraf Jeti & Bangunan Terminal, Pembinaan Bangunan CIQ Serta Jeti Baru Di Jeti Kuah, Langkawi, Kedah	4	6	1 pegawai (telah bersara)	-
5.	Pembinaan Infrastruktur Bagi Pesawat Helikopter EC725 di Pangkalan Udara TUDM Kuantan, Pahang	3	14	2 pegawai	Belum ada keputusan
6.	Pembinaan Pusat Penyelidikan Antarabangsa Tanaman Masa Hadapan (Crops For The Future Research Centre, CFFRC) di Semenyih, Selangor	4	10	Tiada syor	-



5. CONTOH LAPORAN SIASATAN TERHADAP LKAN (PUNITIF)

- LKAN TAHUN 2014 SIRI 3 : MENAIKTARAF HOSPITAL SULTANAH NORA ISMAIL, BATU PAHAT, JOHOR.






4.1 TEGURAN AUDIT (6 ISU PUNITIF)





4.2 KRONOLOGI PROJEK NAIK TARAF HSNI, BATU PAHAT



Pegawai Penguasa : Pengarah Cawangan Kerja Kesihatan

Kos Kontrak : RM 197.7 juta

Kontraktor : Sejagat Bakti Sdn Bhd



ISU 1 : PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN TIDAK MENGIKUT PERATURAN

TEGURAN AUDIT :

- Kemudahan perkhidmatan kenderaan diluluskan tanpa memenuhi kriteria yang disyaratkan
- Projek ini dibuat dalam kawasan hospital yang hanya meliputi kawasan seluas 10.5 ekar.
- Kedudukan hospital adalah berdekatan dengan kawasan perumahan dan mudah diakses.
- Berdasarkan kontrak, JKR telah meluluskan perolehan 3 buah kenderaan berjumlah RM700,700

- PENEMUAN JKS** : Pegawai telah mengemukakan permohonan setelah SST dikeluarkan iaitu pada 25 Februari 2008 dan JKPMK meluluskan setelah kontrak dimeterai.



JKS MENGESYORKAN 4 PEGAWAI DIKENAKAN TINDAKAN TATATERTIB TETAPI SEORANG PEGAWAI TELAH BERSARA.



ISU 2 : ARAHAN PERUBAHAN KERJA (APK) TIDAK TERATUR

APK diluluskan selepas CPC dan di luar tempoh kontrak




KESAN : Kontraktor mendapat hak untuk pengecualian *LAD* sebanyak RM2.85 juta kerana kerja telah dilaksanakan dalam tempoh kontrak

JKS MENGESYORKAN 4 PEGAWAI DIKENAKAN TINDAKAN TATATERTIB



ISU 3 : CPC YANG DIKELUARKAN TIDAK TERATUR





ISU 3 : CPC YANG DIKELUARKAN TIDAK TERATUR (sambungan)

**JKS MENGESYORKAN 3 PEGAWAI DIKENAKAN TINDAKAN
TATATERTIB**



ISU 4 : KERJA TIDAK MENGIKUT SPESIFIKASI

- **TEGURAN AUDIT :**
- Terdapat 4 lif yang disediakan oleh kontraktor yang bernilai RM2.03 juta direka dan dipasang tanpa mengambil kira saiz dan kapasiti katil ICU.

ULASAN JKS

**Tiada Pegawai Bertanggungjawab
namun terdapat pelanggaran kontrak
oleh kontraktor / perunding.**

Kurangnya koordinasi yang berkesan di antara kontraktor /perunding /JKR dan pihak KKM sehingga menyebabkan spesifikasi lif dan katil tidak bersesuaian di antara satu sama lain.

Kelemahan di pihak perunding dalam memastikan spesifikasi pelbagai disiplin bagi memenuhi keperluan satu sama lain.

Tidak dapat mengenalpasti pegawai secara khusus kerana pegawai yang menguruskan spesifikasi mekanikal dan spesifikasi peralatan perubatan adalah dibuat secara berasingan di peringkat JKR dan KKM.

Hanya di peringkat perunding kedua-dua disiplin (mekanikal dan peralatan perubatan) mempunyai platform untuk berkomunikasi bagi mengelakkan perkara ini berlaku.



ISU 4 : KERJA TIDAK MENGIKUT SPESIFIKASI





ISU 5 : PERALATAN PERUBATAN TIDAK DIBEKALKAN SEPENUHNYA HINGGA TARIKH JKS DIJALANKAN

TEGURAN AUDIT :

- i. 65 peralatan tidak diserahkan semasa CPC dikeluarkan
- ii. 38 peralatan perubatan tidak dibekalkan sejak projek diserahkan dan melebihi tempoh kecacatan sehingga 14 Julai 2015.

ULASAN JKS

- Sehingga kini penggantian keseluruhan peralatan yang hilang tersebut masih belum selesai walaupun masalah telah berlarutan melebihi 3 tahun.
- Pihak JKR sepatutnya boleh menyarankan pihak ketiga bagi membekalkan peralatan jika kontraktor tidak mampu untuk membekalkannya dan tidak menunggu sehingga teguran Audit dibuat.

JKS MENGESYORKAN SEORANG PEGAWAI DIKENAKAN TINDAKAN TATATERTIB



ISU 6 : HDW YANG MENEMPATKAN 10 BUAH KATIL MASIH TIDAK BOLEH DIGUNAKAN

TEGURAN AUDIT :

- i. HDW yang menempatkan 10 katil masih tidak boleh digunakan kerana tidak mematuhi kehendak kontrak sejak diserahkan pada 30 Mei 2012
- ii. HDW ini tidak dapat digunakan kerana bunyi bising dari bilik *Air Handling Unit (AHU)*.
- iii. Kerajaan tidak mendapat manfaat bagi perbelanjaan berjumlah RM2.24 juta bagi 10 unit katil di HDW.
- iv. Kerajaan juga telah hilang pendapatan hasil berjumlah RM2.52 juta bagi tempoh 4 tahun HDW tidak digunakan (anggaran caj minimum pesakit sehari adalah RM173 bagi setiap katil).

ULASAN JKS

**JKS MENGESYORKAN SEORANG PEGAWAI
DIKENAKAN TINDAKAN TATATERTIB**

Laporan Forensik, Cawangan Mekanikal JKR bertarikh 29 September 2015, merumuskan:

Masalah rekabentuk dan pemilihan peralatan yang tidak mematuhi rekabentuk.

Perkara ini tidak dapat dikesan/ dikenalpasti oleh pegawai yang bertanggungjawab (Wakil PD Mekanikal) semasa ujian T&C dan pengesyoran CPC.

Isu masih belum selesai sehingga tarikh siasatan dijalankan.



5. CONTOH LAPORAN SIASATAN TERHADAP LKAN (PUNITIF)

- LKAN TAHUN 2016 SIRI 1 : PEMBINAAN HOSPITAL BERA, PAHANG

Hospital Bera,
Pahang

1. Lanjutan masa melalui kelulusan EOT No. 1,3 dan 4 selama 496 hari.

2. Pertukaran reka bentuk struktur sistem IBS yang baru oleh kontraktor adalah tidak wajar.

3. Kontraktor gagal melantik Penyelaras Mekanikal & Elektrik (M&E) *Industrialized Building System (IBS)* yang berkelayakan.

4. Kontraktor gagal melantik *Independent Inspection Authority/Inspector Welder*.

5. Kerja pembinaan tidak dibuat mengikut lukisan dan spesifikasi serta tidak sempurna.



BUTIRAN KONTRAK

Nama Projek	: HOSPITAL (40 KATIL) BERA, PAHANG PAKEJ 2 – KERJA BANGUNAN DAN LAIN- LAIN KERJA BERKAITAN
Nama Kontraktor	: MAJU JAYA PASARANA SDN.BHD (RUNDINGAN TERUS)
Nominated Sub Contractor (NSC) Kerja Mekanikal	: MAJU JAYA PASARANA SDN.BHD (RUNDINGAN TERUS) RM 12.20 Juta
Harga Kontrak	: RM 88.00 Juta
Harga Kontrak Semasa	: RM 86.48 Juta
Tempoh Kontrak Asal	: 30 BULAN
Tempoh Kontrak Semasa	: 53 BULAN
Tarikh Milik Tapak	: 10-07-2012
Tarikh Siap Asal	: 09-01-2015
Tarikh Siap Semasa	: 9/1/2015-19/10/2015 (EOT NO.1 : 283 HARI) 20/10/2015-27/12/2015 (EOT NO.2 : 69 HARI) 28/12/2015-28/4/2016 (EOT NO.3 : 123 HARI) 29/04/2016-29/11/2016 (EOT NO.4 : 215 HARI)
Notis Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor	: 8/12/2016 (57%)
Pegawai Peguasa	: Pengarah Kerja Raya, Negeri Pahang
Senarai Perunding/ Reka Bentuk Dalaman	: Taufik Aziz Architect (Arkitek) Emenea Engineering Services Sdn. Bhd. (Sivil & Struktur) Jentrik Sdn. Bhd. (Elektrik) KH Alliance Quantity Surveyor Sdn. Bhd. (Ukur Bahan) Cawangan Kerja Mekanikal JKR (Mekanikal)

Lanjutan Masa Selama 496 Hari Diluluskan Berpunca Daripada Kelemahan Pengurusan Projek Oleh Pihak JKR Dan Perunding


Kelulusan Perakuan Kelambatan Dan Lanjutan Masa (**EOT**) **No. 1, 3 dan 4 selama 496 hari terpaksa diberikan** kepada kontraktor kerana **kelemahan pengurusan dalam perancangan dan pelaksanaan projek oleh pihak JKR dan Perunding.**

TEMPOH PELAKSANAAN PROJEK

10.7.2012
Milik Tapak

9.1.2015
Siap Asal

**NOTIS
PENAMATAN
8.12.2016**



EOT NO.1 BAGI KELEWATAN DISEBABKAN PERUBAHAN DAN PERCANGGAHAN LUKISAN

BIL.	BIDANG KERJA	TEMPOH EOT DISYORKAN OLEH WPP UTAMA			TEMPOH EOT LAYAK DIBERIKAN*	ULASAN JKS
		TARIKH RFC*	TARIKH SELESAI	BIL. HARI		
1.	Perunding Sivill dan Struktur - EESSB	22/10/2012	29/11/2012	39	9	Pindaan lukisan – pindaan perincian rasuk dan tambahan rasuk. Program kerja, CPM hanya bermula pada 20/11/2012
2.	Perunding Sivill dan Struktur - EESSB	18/12/2012	29/1/2013	43	41	Berdasarkan tarikh pada RFC.
3.	Perunding Sivill dan Struktur - EESSB	7/3/2013	19/3/2013	13	6	Kedudukan tiang berbeza. Telah dikemukakan kepada Kontraktor pada 13/3/2013.
4.	Perunding Sivill dan Struktur - EESSB	19/3/2013	22/3/2013	3	3	Percanggahan lukisan <i>drainage</i> .
5.	Perunding Arkitek - TA	5/4/2013	10/4/2013	6	5	Percanggahan lokasi antara lukisan arkitek dan mekanikal
6.	Perunding Sivill dan Struktur - EESSB	2/5/2013	3/5/2013	2	0 Tiada Masalah	Tiada butiran ketinggian tiang pada lukisan struktur. Rujuk pelan arkitek bagi mendapat ketinggian.
7.	Perunding Sivill dan Struktur – EESSB Blok Chiller – Tiada butiran tandas dalam lukisan struktur.	15/5/2013	1/7/2013	47	0 Tidak dapat disahkan selesai pada 1/7/2013	Rujuk kepada JKR untuk keputusan. Selesai pada 15/5/2013. Dokumen RFC tidak dilampirkan.
8.	Perunding Sivill dan Struktur - EESSB	15/7/2013	18/7/2013	4	0 Tiada Masalah	Lukisan cadangan bagi rebar tangga. Kontraktor mohon pandangan
9.	Perunding Sivill dan Struktur - EESSB	27/9/2013	27/9/2013	1	0 Tiada Masalah	Penukaran saiz lantai BRC pada lantai bumbung. Kontraktor mohon pandangan.
JUMLAH				158	64	

PENEMUAN JKS : EOT 1

- Reka bentuk IBS dalam program kerja yang diluluskan bermula pada 20/11/2012 hingga 17/1/2015 (677 hari). Bagaimanapun, terdapat beberapa perubahan pada reka bentuk dan percanggahan lukisan pembinaan menyebabkan Perunding terpaksa membuat pindaan dan mengeluarkan lukisan pembinaan yang baru.
- Kelulusan perakuan EOT selama 158 hari atas sebab perubahan dan percanggahan pada lukisan pembinaan bermula dari tarikh 22/10/2012 hingga 27/9/2013 adalah berdasarkan tempoh respon terhadap *Request For Confirmation* (RFC) yang dikeluarkan oleh Kontraktor.
- **Tempoh EOT selama 158 hari yang diluluskan oleh PP adalah tidak wajar dan tidak menjaga kepentingan Kerajaan** kerana bilangan hari kerja yang sebenar terjejas dan **layak diberi lanjutan masa adalah 64 hari sahaja** berdasarkan CPM yang telah diluluskan.


Jadual Perbandingan Di Slaid Berikut..



1B. KEPERLUAN SISTEM AIR PANAS (EOT 3 – 123 HARI)

10.7.12
Milik Tapak


9.1.15
Siap Asal



PENEMUAN JKS : EOT 3

- Perbezaan wujud antara lukisan mekanikal dan *room data sheet* **disebabkan lukisan mekanikal siap terlebih dahulu sebelum *room data sheet* dimuktamadkan** menyebabkan keperluan sebenar jumlah unit air panas dalam *room data sheet* tidak diambil kira dalam lukisan mekanikal.
- Kaedah yang digunakan oleh Pengurus Besar Pembinaan dalam menentukan **bilangan hari yang layak diberi lanjutan masa iaitu selama 123 hari adalah berdasarkan surat bertarikh 10/7/2015 sehingga surat bertarikh 12/11/2015 dikeluarkan adalah tidak wajar.** Isi kandungan kedua-dua surat mengesahkan kerja perlu dilaksanakan kerana melibatkan kefungsian sistem dan mengandungi butiran yang sama iaitu jumlah 17 unit dan lokasi pemasangan air panas.
- Selain itu, berdasarkan program kerja (CPM) yang diluluskan bagi air panas, kerja hanya bermula pada 13/11/2015 sehingga 25/2/2016 selama 90 hari.
- Berdasarkan temu bual bersama HODT Mekanikal, cadangan EOT No. 3 berkenaan dengan sistem air panas tidak dirujuk/mendapat pandangan daripada HODT Mekanikal sebelum kelulusan diberikan.

1C. KEPERLUAN AIR COND DUCT DAN PERTAMBAHAN FIRE DAMPER (EOT NO. 4 - 215 HARI)



PENEMUAN JKS : EOT 4

- Punca utama perubahan reka bentuk sesalur udara adalah disebabkan perubahan sistem struktur IBS di mana isu mengenainya mula dibangkitkan pada bulan September 2013 iaitu selepas kelulusan pertukaran sistem IBS diberikan pada bulan April 2013. Pertambahan sistem *smoke spill* yang dicadangkan oleh pihak Bomba pada 4/6/2013 juga menjadi penyumbang kepada perubahan reka bentuk sesalur udara.
- **EOT No. 4 tidak wajar diluluskan kerana perubahan reka bentuk sesalur udara adalah menjadi tanggungjawab penuh kontraktor** sepertimana berikut:
 - Surat persetujuan pertukaran pembekal IBS yang ditandatangani oleh Pengurus Besar Pembinaan bertarikh 24 April 2013 telah menyatakan “Pertukaran pembekal IBS ini bukanlah menjadi sebab untuk mendapatkan lanjutan masa kerana ia adalah permintaan pihak tuan”.
 - Mesyuarat Teknikal Khas pada 19 Jun 2013 memutuskan untuk bersetuju dengan pertukaran sistem struktur IBS dengan catatan: Sebarang pertukaran sistem IBS bangunan adalah tidak akan menjejaskan sebarang aspek kos dan masa.
 - Kontrak – klausa 22.1 (Design Liability)
- Walaupun perubahan sistem *smoke spill* adalah atas arahan pihak Bomba dan menyebabkan penyelarasan perlu dibuat terhadap sesalur udara, pihak Kontraktor sepatutnya mengambilkira perubahan tersebut dalam lukisan koordinasi yang dikemukakan pada 20/1/2015. Pindaan lukisan berkaitan sistem *smoke spill* telah dikemukakan oleh CKM pada April 2014.



ISU 1 : Lanjutan Masa Selama 496 Hari Diluluskan Berpunca Daripada Kelemahan Pengurusan Projek Oleh Pihak JKR Dan Perunding

**JKS MENGESYORKAN 7 PEGAWAI & 1 PERUNDING
DIKENAKAN TINDAKAN TATATERTIB**

Bagi isu 2-5, JKS berpendapat tiada unsur kecuaiian maka tiada pegawai disyorkan apa-apa tindakan.



Q&A SESSION

SEKIAN, TERIMA KASIH.



THANK YOU